JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

BULETIN Citra

CITRA 2/2019 | TERISI MINDA DENGAN KAMI



KMJG BAWA SEMANGAT JALUR GEMILANG DAN MESEJ PERPADUAN

8 FOKUS
WARGA KERJA KKMM EJEN PENYAMPAI MAKLUMAT KERAJAAN

20 PRO KITA
PENGAMAL PERHUBUNGAN AWAM KERAJAAN DIIKTIRAF DI PERINGKAT ANTARABANGSA


22 INSPIRASI
DARI EMCEE BIASA KE JURUACARA DIRAJA!

DAPATKAN BUKU VERSI DIGITAL

Ingin dapatkan maklumat dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa?

Layari laman web Jabatan Penerangan Malaysia untuk mendapatkan bahan penerbitan secara digital dan dalam talian.

Mudah, cepat dan tepat. Dapatkan maklumat di hujung jari walau di mana anda berada!



Bahagian Penerbitan Dasar Negara (BPDN)
Jabatan Penerangan Malaysia

Muat turun D-Book di:
www.penerangan.gov.my

www.penerangan.gov.my | penerangan | japenmalaysia | jabatanpenerangan | fotopenerangan | Jpenerangan

KANDUNGAN



- Dari Meja Ketua Editor 4
- Perutusan Ketua Pengarah 5

Utama
- KMJG Bawa Semangat Jalur Gemilang dan Mesej Perpaduan 6

Fokus
- Warga Kerja KKMM Ejen Penyampai Maklumat Kerajaan 8

Buletin
- Melaka Dinobat Sebagai Johan Pertandingan Sketsa Rukun Negara Peringkat Kebangsaan 2019 9
- Selangor Pukau Juri Melalui Persembahan Mantap dan Bertenaga 10
- Pertandingan Pidato Kenegaraan 2019 Serlah Bakat Bakal Pemimpin Negara 11

Sana-Sini
- Program *Caring Bridge* Membina Masyarakat Bermaklumat 12
- Sambutan Meriah Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2019 13
- MyMerdeka Sayangi Malaysiaku Gelorakan Rasa Cinta Negara 14
- Hari Kebangsaan Disambut Meriah, Penuh Semangat Patriotik 15
- Bumi Kenyalang Tuan Rumah Sambutan Hari Malaysia 2019 16
- Program Anak-Anak Malaysia *Walk* 2019 Serlah Kerjasama Kerajaan-Swasta 17
- Kembara Media 2019 Terokai Keindahan Negeri Perak 18
- *ASEAN@SCHOOL (Primary)* 2019 Tingkat Kefahaman Berkaitan ASEAN 19

PRO Kita
- Pengamal Perhubungan Awam Kerajaan Diiktiraf di Peringkat Antarabangsa 20

Luar Negara
- Program Pertukaran Pegawai Penerangan Malaysia ke Indonesia Bawa Impak Positif 23

Inspirasi
- Dari Emcee Biasa ke Juruacara Diraja! 24

Lensa JaPen 26

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
Roselindawati Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia
roselindawati@inform.gov.my

KETUA EDITOR
Wan Azizah Wan Omar
wanazizah@inform.gov.my

TIMBALAN KETUA EDITOR
Rozilah Katan
rozilah@inform.gov.my

PENYELARAS
Siti Nor Khalilah Abdullah Halim
khalilah@inform.gov.my

FOTO
Pusat Sumber dan Fotografi
Jabatan Penerangan Malaysia

PENGEDARAN
Cawangan Pengurusan Maklumat dan Unit Stor
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Jabatan Penerangan Malaysia
Angkasapuri
50612 Kuala Lumpur

REKA BENTUK & PENCETAK
Perniagaan Rita

Sebarang sumbangan karya dan pandangan amat dialu-alukan. Artikel yang sesuai dan terpilih akan disiarkan. Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Ketua Editor CITRA
Bahagian Penerbitan Dasar Negara (BPDN)
Jabatan Penerangan Malaysia
Aras 13, Kompleks KKMM
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

Tel: 03-8911 3440
Faks: 03-8911 5904

DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam Malaysia Baharu.

Kita bertemu kembali di dalam Buletin Citra edisi kedua dan juga penutup bagi tahun 2019. Edisi Buletin Citra kali ini memaparkan program dan aktiviti jabatan sepanjang tempoh Julai hingga November 2019. Sepanjang tempoh itu, pelbagai pencapaian telah dilakar oleh JaPen terutamanya dalam penganjuran program-program bersempena Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia. Selain itu, JaPen melalui Bahagian Penerbitan Dasar Negara (BPDN) telah terlibat secara langsung dalam penghasilan bahan-bahan penerbitan sempena istiadat pertabalan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ke XVI pada 30 Julai lalu.

Tahun 2019 juga menyaksikan perubahan tampuk kepimpinan baharu JaPen yang kini diterajui oleh Puan Roselindawati Abdul Rahman sejak 8 Julai lalu. Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Ketua Pengarah Penerangan yang ke-17. Lebih manis lagi, beliau juga merupakan Ketua Pengarah wanita pertama yang dilantik ke jawatan ini sejak JaPen ditubuhkan pada tahun 1910.

Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada semua warga Jabatan yang memberikan komitmen padu dalam menjayakan program-program jabatan khususnya yang berskala besar. Diharapkan momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada masa hadapan. Semoga kita bertemu lagi dalam edisi Buletin Citra yang akan datang. Selamat Tahun Baharu 2020 diucapkan kepada semua warga JaPen dan pembaca Buletin Citra.

WAN AZIZAH WAN OMAR
Pengarah
Bahagian Penerbitan Dasar Negara



Perutusan KETUA PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sayangi Malaysiaku.

Sepanjang tahun 2019, Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah menempuh pelbagai cabaran dalam merealisasikan hasrat dan misi jabatan agar seiring dengan kehendak dan aspirasi kerajaan semasa. Berbekalkan dengan keazaman dan komitmen padu yang ditunjukkan oleh warga jabatan, kita semua telah berjaya mengharunginya bersama. Kita meninggalkan tahun 2019 dengan penuh kejayaan melalui program-program berskala besar dan berimpak tinggi.

Menjelang tahun 2020, sudah tentunya akan memberi cabaran baharu yang lebih mencabar kepada seluruh warga jabatan. Saya menyeru seluruh warga jabatan agar terus mengamalkan budaya kerja cemerlang dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan serta membudayakan amalan kerja berintegriti tinggi. Kita akan terus mempergiatkan usaha untuk mempromosikan dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan melalui pelbagai medium dan pendekatan agar dapat dihayati, difahami dan diterima oleh rakyat. Inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan ini akan dapat memastikan rakyat dan negara menikmati kemakmuran bersama.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Oktober lalu merupakan satu *Blueprint* ataupun Kerangka hala tuju negara bagi tempoh tahun 2021 sehingga 2030. Wawasan Kemakmuran Bersama membawa maksud pertumbuhan yang lebih saksama untuk negara, memberikan nilai yang lebih tinggi kepada ekonomi negara dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang kompetitif, berintegriti dan bermaruah. Justeru itu, sebagai sebuah jabatan yang memasarkan dasar-dasar Kerajaan, kita perlu memahami hasrat Kerajaan dan menterjemahkannya melalui pelbagai kaedah komunikasi yang strategik dan berkesan selari dengan perkembangan terkini agar maklumat dan mesej yang tepat sampai kepada rakyat.

Selain itu, Kerajaan juga begitu komited ke arah transformasi digital. Dalam Belanjawan 2020 baru-baru ini, Kerajaan telah memberikan komitmen untuk membangunkan infrastruktur yang diperlukan bagi membentuk Digital Malaysia melalui pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). Inisiatif ini akan menyediakan liputan berkelajuan tinggi yang komprehensif dan jaringan digital yang berkualiti ke seluruh negara dalam tempoh 5 tahun.

Kerajaan juga telah memperkenalkan inisiatif #MalaysiaKerja seperti mana yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih luas untuk belia, wanita dan anak watan. Langkah ini sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Program ini dijangka akan mewujudkan tambahan peluang pekerjaan sebanyak 350,000 untuk rakyat Malaysia dalam masa 5 tahun.

Kesemua dasar dan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini memperlihatkan iltizam dan komitmen padu Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan, berintegriti dan berdaya saing. Oleh itu, menjadi tugas dan tanggungjawan JaPen untuk memastikan dasar-dasar dan inisiatif ini disedari, difahami dan dihayati oleh rakyat Malaysia untuk meraih manfaatnya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga JaPen yang dikasihi atas segala usaha dan komitmen yang diberikan sepanjang tahun 2019. Mari kita bersama-sama terus tanamkan iltizam untuk sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik agar segala perancangan, misi dan visi Jabatan akan tercapai dengan jayanya. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2020 kepada semua pembaca Buletin Citra.

Sekian, terima kasih.

ROSELINDAWATI ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia



KMJG Bawa Semangat Jalur Gemilang dan Mesej Perpaduan

Kehangatan sambutan bulan kebangsaan yang ke-62 disemarakkan lagi dengan penjelajahan konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2019 (KMJG) yang memasuki edisi ke-17 penganjurannya. KMJG merupakan salah satu aktiviti JaPen bagi menyemarak kibaran Jalur Gemilang dalam kalangan rakyat Malaysia. Semangat cintakan negara diterjemah melalui tema Sayangi Malaysiaku : Malaysia Bersih yang digunakan pada sambutan kali ini.

Konvoi ini disertai seramai 133 orang peserta melibatkan 62 kenderaan terdiri daripada kenderaan pelbagai agensi kerajaan termasuk 30 motosikal berkuasa tinggi dari Kelab Permotoran J17 dan 15 buah motosikal Polis Diraja Malaysia (PDRM). Antara jabatan dan agensi yang terlibat adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Acara pelepasan telah disempurnakan oleh Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad pada majlis pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2019 di Dataran Pahlawan, Melaka pada 3 Ogos 2019 yang lalu. Konvoi yang menjelajah selama sebulan ini bermula pada 2 Ogos dan berakhir di sambutan Hari Kebangsaan 2019 di Dataran Putrajaya.

Program yang diadakan sejak tahun 2002 bertujuan untuk menzahirkan semangat patriotik dan cintakan negara di samping menyasarkan penglibatan masyarakat pelbagai kaum dalam program dan aktiviti yang dilaksanakan sepanjang konvoi ini berlangsung. Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan melibatkan pemimpin dan masyarakat daripada pelbagai kaum dan latar belakang antaranya aktiviti Merdeka@Komuniti, gotong royong, sukan rakyat, persembahan PENTARAMA dan *buskers* serta edaran Jalur Gemilang.

Konvoi KMJG 2019 telah menjelajah ke seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan membabitkan jarak keseluruhan 6,200 km dan konvoi ini berhenti di 62 hentian di peringkat negeri dan daerah sebagai simbolik kepada 62 tahun negara kita mencapai kemerdekaan.





Warga Kerja KKMM
Ejen Penyampai Maklumat Kerajaan



Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) Dato' Suriani Dato' Ahmad memaklumkan kerjasama pintar, perkongsian dan pertukaran maklumat mampu melengkapkan warga kerja KKMM sebagai ejen penyampai maklumat kerajaan yang cekap dan berkesan melalui pendekatan komunikasi menyeluruh.

"KKMM komited dalam usaha memberi penerangan, penjelasan dan kefahaman kepada masyarakat keseluruhan mengenai program atau dasar kerajaan", katanya semasa merasmikan program Taklimat Isu Siri 3 2019: Bantuan Sara Hidup (BSH), Skim Perlindungan Kesihatan Nasional B40 (MySalam) dan Skim Peduli Kesihatan (Peka B40) yang diadakan pada 25 Julai 2019 di Dewan Serbaguna Aras B1, Komples KKMM.



KKMM komited dalam usaha memberi penerangan, penjelasan dan kefahaman kepada masyarakat keseluruhan mengenai program atau dasar kerajaan



Menurutnya lagi, taklimat hari ini adalah salah satu daripada tanggungjawab KKMM dalam melaksanakan tindakan agenda promosi dan publisiti nasional bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap keprihatinan kerajaan menjaga kebajikan, memberikan bantuan kewangan dan penjagaan kesihatan kepada golongan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Taklimat isu Bantuan Sara Hidup (BSH) telah disampaikan oleh Encik Badri Basiran Pengarah Bahagian Bantuan Khas Kerajaan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) manakala taklimat MySalam pula disampaikan oleh Encik Khairul Anuar Che Yeob, Ketua Operasi Skim MySalam. Sementara itu, Dr. Mariana Mohamad Yusoff dari Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyampaikan taklimat berkenaan Peka B40.



Hadir sama, Encik Mohammad Diah Haji Wahari, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Datuk Haji Almain Haji Ajirul, Setiausaha Bahagian Komunikasi Strategik, Puan Roselindawati Abdul Rahman, Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Pegawai-pegawai kanan kementerian dan warga kerja jabatan dan agensi.



Melaka Dinobat Sebagai Johan Pertandingan
Sketsa Rukun Negara Peringkat Kebangsaan 2019

SMK Durian Tunggal, Melaka dinobatkan sebagai johan Pertandingan Sketsa Rukun Negara Peringkat Kebangsaan 2019 yang berlangsung di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Sultan Azlan Shah pada 28 Julai lalu. Sekolah berkenaan telah menewaskan 14 pasukan dari negeri-negeri lain untuk membawa pulang piala pusingan, plak, sijil penyertaan serta wang tunai RM5,000. Sementara itu, naib johan dimenangi SMK Sultan Ibrahim dari Johor manakala Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Chung Hwa, Kelantan di tempat ketiga masing-masing membawa pulang plak, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah RM3,000 dan RM2,000.

Pertandingan bertemakan Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih itu dirasmikan Exco Komunikasi, Multimedia dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Perak, YB Tuan Hasnul Zulkarnain Abd Munaim. Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Dato' Suriani Dato' Ahmad dan Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Puan Roselindawati Abdul Rahman.



Sketsa Rukun Negara merupakan salah satu aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan Malaysia melalui Kelab Malaysiaku di sekolah-sekolah seluruh negara. Ia adalah program berunsur patriotik yang berkonsepkan seni lakon dan penceritaan. Pertandingan ini telah diperkenalkan di peringkat negeri bermula tahun 2012 dan buat julung kalinya dilaksanakan di peringkat kebangsaan pada tahun ini. Pertandingan ini bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan generasi muda. Selain itu, ia memberi kefahaman dan penghayatan mengenai Rukun Negara dalam kalangan pelajar.



SELANGOR Pukau Juri Melalui Persembahan Mantap dan Bertenaga

Persembahan mantap dan bertenaga bertajuk Yang Luar Biasa berlatar belakangkan kisah hidup dan perjuangan Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamed oleh Kumpulan Alahai Anak Omak dari Selangor melayakkan mereka muncul juara Pertandingan Pengisahan Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 2019. Pertandingan ini telah diadakan di Dewan Al-Mukhtafi Billah Shah, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kuala Nerus, Terengganu pada 29 September 2019. Kumpulan yang dianggotai oleh tiga peserta iaitu Noorhisyam Razali, 40, Mohd Norhafifi Zolkiaply, 33, dan Muhamad Noriman Mustafa All Bakry, 30, berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM6,000, piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan.

Naib johan disandang pasukan dari Pahang yang membawa kisah perjuangan Bapa Kemerdekaan Negara Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, membawa pulang RM5,000, piala iringan dan sijil penyertaan manakala tempat ketiga dimenangi peserta dari Johor mengisahkan pengorbanan tiga Leftenan yang terkorban menentang Jepun, dan mereka membawa pulang RM4,000, piala iringan dan sijil penyertaan.

Hadiah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Dato' Suriani Dato' Ahmad. Turut hadir, Ketua Pengarah Penerangan Puan Roselindawati Abdul Rahman. Dalam ucapannya beliau berkata, kerajaan telah menekankan empat elemen penting iaitu perpaduan, semangat cintakan negara, integriti tinggi dan kemakmuran bersama untuk membina negara bangsa yang maju jaya, berpendapatan tinggi dan hidup dalam aman harmoni.

"Dalam membicarakan tentang pembangunan negara, kita seharusnya meletakkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap pengorbanan tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan masa lalu. Melalui pengorbanan mereka, kita dapat mewarisi sebuah negara yang boleh kita diami secara bebas dan merdeka", ujarnya.

Pertandingan pengisahan kenegaraan telah bermula sejak 2003 merupakan aktiviti komunikasi bersemuka berkonsepkan seni lakon dan penceritaan yang bermatlamat membentuk minda masyarakat bersatu padu, patriotik, bestari dan cintakan negara.



Semua Pemenang bergambar kenang-kenangan bersama-sama Dato' Suriani Dato' Ahmad, KSU KKMM



Dato' Suriani Dato' Ahmad menyampaikan ucapan perasmian Pertandingan Pengisahan Kenegaraan 2019 DI UniSZA, Terengganu



PERTANDINGAN PIDATO
Kenegaraan 2019 Serlah Bakat Bakal Pemimpin Negara

Anak kelahiran Sungai Dua, Pulau Pinang Munirah Muhamad berjaya menambat hati juri menerusi pidatonya bertajuk Jenayah Siber Ancaman Keselamatan Negara sekaligus dinobatkan sebagai juara pada peringkat akhir Pertandingan Pidato Kenegaraan 2019 yang berlangsung di Dewan Sri Mas, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimas) Jitra, Kedah.

Penyampaian yang penuh emosi, lantang dan meyakinkan itu menyaksikan beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 piala pusingan dan sijil penyertaan. Seramai 15 orang peserta mewakili setiap negeri telah berentap dalam pertandingan kali ini yang bertemakan Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih.

Pengerusi Tetap Jawatankuasa Kerja Raya, Bekalan Air dan Sumber Air dan Tenaga Negeri Kedah, Datuk Haji Zamri Yusof yang mewakili Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir merasmikan majlis itu dan menyampaikan hadiah kepada pemenang. Sementara itu, buat julung kalinya turut disampaikan Anugerah Video Paling Viral yang dimenangi oleh peserta dari Johor, Sarawak dan Labuan. Turut hadir Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Puan Roselindawati Abdul Rahman.

Pertandingan Pidato Kenegaraan merupakan salah satu platform bagi menggalakkan serta mencungkil bakat berpidato disamping meningkatkan semangat kecintaan terhadap negara. Selain itu, ia juga dapat memupuk, menyubur dan memperkasakan lagi penggunaan bahasa kebangsaan oleh pelbagai kaum yang menyertai pertandingan ini.





Program *Caring Bridge* Membina Masyarakat Bermaklumat

Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah menganjurkan Program *Caring Bridge* sempena Kembara Digital Malaysia (KDM) yang diadakan pada 27 hingga 28 Julai di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh Perak. Program ini bertujuan untuk merapatkan jurang komunikasi antara kerajaan dan rakyat serta membina masyarakat bermaklumat melalui penyampaian informasi secara cepat, tepat dan cermat. Selain itu, ia merupakan platform dalam penyebaran maklumat dan perkhidmatan kerajaan terus kepada masyarakat dengan mengakses dan menggunakan perkhidmatan secara dalam talian.

Program KDM ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, NGO dan Penerangan negeri, YB Tuan Hasnul Zulkarnain Abd Munaim yang mewakili Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu. Turut hadir, YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi & Multimedia dan Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Hadir sama, Ketua Pengarah Penerangan Puan Roselindawati Abdul Rahman.

Tetamu kehormat turut mengadakan lawatan ke reruai JaPen dan beramah mesra bersama para pengunjung. Pelbagai pengisian menarik telah diadakan di reruai JaPen sepanjang 2 hari berlangsungnya program ini antaranya pameran kenegaraan, edaran bahan penerbitan, pertandingan bintang patriotik, persembahan Pentarama dan kuiz kahoot kenegaraan.

> **“Program ini bertujuan untuk merapatkan jurang komunikasi antara kerajaan dan rakyat serta membina masyarakat bermaklumat melalui penyampaian informasi secara cepat, tepat dan cermat.”**

Pempamer lain yang turut terlibat dalam KDM kali ini adalah terdiri daripada penyedia perkhidmatan jalur lebar, pengeluar dan pengedar perkakasan dan perisian ICT serta agensi kerajaan Persekutuan dan negeri.



Encik Timothy menunjukkan senarai buku digital (d-book) terbitan BPDN kepada Ketua Pengarah Penerangan



Ucapan perasmian oleh YB Tuan Hasnul Zulkarnain Abd Munaim mewakili YAB Menteri Besar Perak



Barisan peserta peringkat akhir Pertandingan Bintang Patriotik



Kenangan..... bergambar bersama tetamu kehormat yang singgah ke reruai JaPen

Sambutan Meriah Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2019

Majlis pelancaran program Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2019 telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang pada 3 Ogos 2019 di Dataran Pahlawan, Bandar Hilir Melaka. Pemilihan Melaka sebagai tuan rumah acara ini dilihat amat bertepatan kerana di sinilah tempat Bapa Kemerdekaan, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengumumkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 20 Februari 1956.

Bertemakan Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih, majlis ini telah berjaya menarik lebih 30,000 pengunjung. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Para pengunjung turut terpegun semasa menyaksikan gimik pelancaran persembahan hologram yang memaparkan imej Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melaungkan kemerdekaan.

Sementara itu, Perdana Menteri turut menyempurnakan pelepasan 62 kenderaan pelbagai jenis dalam siri jelajah Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2019 (KMJG19) ke seluruh Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan jarak perjalanan sejauh 6,200 kilometer.

Turut hadir, Ketua Menteri Melaka, YAB Tuan Adly Zahari, Menteri Besar Johor, YAB Datuk Dr. Sahruddin Jamal, Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tuan Gobind Singh Deo merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Bulan Kebangsaan 2019 dan barisan Menteri Kabinet. Antara pengisian lain yang turut diadakan pada hari tersebut adalah konsert, larian kemerdekaan dan Pameran Bersepadu *Caring Bridge* membabitkan 37 gerai agensi kerajaan dan swasta.



Ucapan perasmian oleh Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad



YB Tuan Gobind Singh Deo merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Bulan Kebangsaan 2019 sedang menyampaikan ucapan



Unik.....persembahan pembukaan yang memukau pengunjung yang hadir



Semangat Malaysia Baharu menyemarakkan lagi kehangatan sambutan pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen kibar Jalur Gemilang 2019





MyMerdeka
Sayangi Malaysiaku Gelorakan Rasa Cinta Negara

Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) meneruskan lagi penganjuran program MyMerdeka Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih pada tahun ini sempena sambutan Bulan Kebangsaan 2019. Empat lokasi dipilih bagi menjayakan program ini pada tahun ini iaitu di Mydin USJ, Subang Jaya, Mydin Mutiara Rini, Johor Bahru, Mydin Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan Mydin Seremban 2, Negeri Sembilan.

Program ini menyasarkan masyarakat umum untuk terlibat secara langsung dalam program penghayatan Bulan Kebangsaan. Selain itu, ia dapat meningkatkan kesedaran kepada orang ramai melalui paparan secara visual mengenai aspirasi kerajaan baharu bagi mewujudkan warga negara yang bersatu padu dan mengamalkan toleransi antara kaum.

Pelbagai pengisian menarik sepanjang pelaksanaan program ini diadakan antaranya pameran kenegaraan, persembahan PENTARAMA, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, pertandingan Bintang Patriotik, kuiz nenegaraan, sudut karikatur dan sudut tayangan multimedia.

Program MyMerdeka Sayangi Malaysiaku yang telah memasuki tahun ke-empat penganjurannya dengan kerjasama syarikat MYDIN Mohamed Bhd. Penganjuran program seperti ini diharap dapat menggelorakan rasa cintakan negara dalam kalangan masyarakat terutamanya pengunjung yang hadir memeriahkan program.

Hari Kebangsaan Disambut Meriah, Penuh Semangat Patriotik

Lebih 200,000 orang membanjiri Dataran Putrajaya bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2019 yang diraikan dengan penuh semangat patriotik. Rakyat pelbagai bangsa dan peringkat usia mula berkumpul sejak jam 6.00 pagi lagi menantikan sambutan penuh bersejarah itu.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Sultan Iskandar, turut berangkat menghadiri sambutan berkenaan. Turut hadir, Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, YABhg Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail dan suami, Datuk Seri Anwar Ibrahim; barisan Menteri Kabinet, pegawai kanan kerajaan serta ketua-ketua jabatan.

Bertemakan Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih, acara perarakan dan perbarisan sambutan hari penuh bermakna itu dijayakan oleh 15,940 peserta yang terdiri daripada para pelajar, anggota keselamatan dan pertahanan, penjawat awam serta sektor swasta. Sambutan kali ini menampilkan kelainan dalam persembahan *human graphic* atau grafik manusia menerusi pembabitan 2,250 pelajar sekolah menengah dari negeri Selangor dengan mengetengahkan pelbagai reka bentuk termasuk bendera Jalur Gemilang dan logo Hari Kebangsaan.

Persembahan dimulakan dengan acara menaikkan bendera Jalur Gemilang dan diikuti bacaan Ikrar Rukun Negara dan laungan Merdeka sebanyak tujuh kali. Acara diteruskan dengan persembahan khas oleh 1,627 orang dengan menampilkan empat segmen iaitu Wawasan 2020, keruntuhan anai-anai atau rasuah, Harimau Asia dan tema Hari Kebangsaan iaitu Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih.

> **"Lebih 200,000 orang membanjiri Dataran Putrajaya bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2019"**

Sementara itu, pertunjukan terbang lintas pesawat udara dan helikopter yang menggegarkan ruang udara Putrajaya membabitkan 22 helikopter, sembilan pesawat angkut dan 24 pesawat pejuang turut memeriahkan suasana sambutan di akhir acara. Sambutan Hari Kebangsaan 2019 ini menjadi medan terbaik untuk rakyat Malaysia menzahirkan perasaan cinta kepada tanah air.



Gelagat spontan Raja Permaisuri Agong yang mencuri tumpuan



Pertunjukan aset pertahanan negara yang ditunggu-tunggu oleh penonton





Bumi Kenyalang Tuan Rumah Sambutan Hari Malaysia 2019

Sambutan Hari Malaysia yang diadakan pada 16 September 2019 lalu membuktikan semangat patriotisme tidak pernah luntur dalam jiwa rakyat Malaysia apabila seramai 7,000 rakyat pelbagai kaum telah membanjiri Stadium Perpaduan, Kuching, Sarawak. Biarpun berdepan dengan masalah jerebu yang melanda Kuching, namun seawal 5.30 petang, orang ramai mula membanjiri stadium berkenaan dan kelihatan bersemangat mengibarkan Jalur Gemilang.

Sambutan penuh bermakna ini diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib Muhmud bersama isteri, Toh Puan Datuk Patinggi Raghad Kurdi Taib dan tetamu kehormat, Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama isteri, YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg, Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Mohd Shafie Apdal serta dif-dif kenamaan yang lain. Hadir sama, YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, YB Tuan Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia dan YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Hari Malaysia disempurnakan dengan acara simbolik iaitu dengan memukul 'Gendang Perpaduan' penuh semangat oleh Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Yang di Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud bersama tetamu kenamaan lain. Sebelum itu, perarakan masuk pasukan konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) 2019 yang diketuai oleh Tuan Haji Hashim Bedu telah menyerahkan Jalur Gemilang kepada Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Ini diikuti dengan upacara menaikkan Jalur Gemilang tersebut oleh kontinjen Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) diiringi dengan nyanyian lagu Negaraku.

Ini merupakan sambutan Hari Malaysia yang pertama kali diadakan di Sarawak sejak Pakatan Harapan (PH) menerajui Kerajaan Persekutuan pada Mei 2018. Pelbagai acara menarik membabitkan lebih 1,000 peserta memeriahkan sambutan ulangtahun ke-56 pembentukan Malaysia. Buat julung kalinya, persembahan *Shadow Play berjudul United We Stand, Divided We Fall* yang menampilkan 16 orang penari menjadi daya penarik utama majlis kerana keunikan bentuk persembahannya yang memaparkan mesej perpaduan.



Acara memukul 'Gendang Perpaduan' oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Ketua Menteri Sabah dan Ketua Menteri Sarawak



Persembahan kepelbagaian dan keunikan etnik yang terdapat di Sarawak yang penuh warna-warni

Program Anak-Anak Malaysia *Walk* 2019 Serlah Kerjasama Kerajaan-Swasta Pupuk Semangat Patriotisme

Dianggarkan seramai 10,000 peserta telah menyertai program Anak-anak Malaysia *Walk* 2019 yang berlangsung meriah di Eco Ardence, Setia Alam pada 31 Ogos 2019 lalu. Program ini merupakan kerjasama antara pemaju hartanah terkemuka Malaysia, *Eco World Development Group* Bhd dan Kumpulan Star Media Bhd. Ia menyerlahkan kerjasama kerajaan - swasta dalam usaha memupuk semangat patriotik dan cintakan negara.

Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah mengedarkan sebanyak 1,500 Jalur Gemilang kepada peserta program anak-anak Malaysia *Walk* 2019 dalam usaha untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara. JaPen turut menghantar seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada aktivis JaPen dan warga JaPen. Timbalan Ketua Pengarah (Kandungan Digital) Dato' Mohd Sukari Abdul Hamid serta Pengarah-pengarah Bahagian turut mengambil bahagian memeriahkan acara berjalan kaki sejauh 5.5 kilometer ini.

Kehadiran Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara melambangkan simbol perpaduan dan komitmen baginda untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

Lebih meriah lagi acara yang bermula pada jam 4.30 petang itu dilepaskan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Kehadiran Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara melambangkan simbol perpaduan dan komitmen baginda untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

Turut hadir, Pengerusi Anak-anak Malaysia *Walk*, Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi *Ecoworld* Malaysia, Tan Sri Liew Kee Sin, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad dan Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin Shari, Pengerusi Kumpulan Star Media Datuk Fu Ah Kiow dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Star Media Bhd, Andreas Vogiatzakis.



Keceriaan jelas terpancar di wajah para peserta JaPen



Kenangan.....para peserta tidak ketinggalan untuk bergambar bersama-sama Yang di-Pertuan Agong



Senyum.....Yang di-Pertuan Agong melambaikan tangan kepada para peserta



Yang di-Pertuan Agong merasmikan pelepasan peserta Anak-anak Malaysia Walk 2019

Kembara Media 2019
Terokai Keindahan Negeri Perak

Kembara Media Perak 2019 telah diadakan pada 28 Jun hingga 1 Julai 2019 di sekitar negeri Perak dengan melibatkan penyertaan seramai 23 orang pengamal media (media cetak, elektronik dan media online) daripada 16 agensi dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Program tahunan JaPen yang telah memasuki tahun ke-14 , penganjuran ini bertujuan memasarkan maklumat mengenai inisiatif dan kejayaan Kerajaan dalam pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Selain itu, program ini merupakan platform kepada Kerajaan Negeri Perak untuk menjelaskan mengenai isu-isu semasa kepada media bagi memastikan penyaluran maklumat yang tepat, selain memperkukuhkan jaringan komunikasi strategik dalam aspek perkongsian dan pemasaran dengan agensi media.

Para peserta telah menjelajah ke beberapa destinasi menarik sekitar negeri Perak sepanjang empat hari program ini berlangsung antaranya *Movie Animation Park Studio* (MAPS). Taman tema animasi pertama di Asia yang terletak di Ipoh ini merupakan antara destinasi kunjungan Kembara Media pada hari pertama.

Selain itu, para peserta turut dibawa melawat ke destinasi menarik yang lain seperti Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, Taman Negeri Royal Belum, Taman Rekreasi Gunung Lang, Kilang Spritzer, Kuala Sepetang, & Night Safari Zoo Taiping, lawatan ke Kilang Pembuatan Labu Sayong, Masjid Ubudiah, serta turut diadakan Program Mesra Media bersama komuniti orang asli di Kampung Sungai Kelewang. Para pengamal media juga menghadiri Majlis Makan Malam Kembara Media Perak 2019 bersama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Datuk Azumu bertempat di Taman Tema *The Lost World of* Tambun, Ipoh.

> **"Penganjuran Ini Bertujuan Memasarkan Maklumat Mengenai Inisiatif Dan Kejayaan Kerajaan Dalam Pelaksanaan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam Kepada Rakyat"**



Bergambar kenang-kenangan di hadapan Masjid Muhammadiah atau dikenali sebagai Masjid Cina di Tasek, Ipoh



Program Mesra Media Bersama Masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Kelewang



Salah seorang peserta bergambar bersama sebahagian labu sayong yang dipamerkan



ASEAN@SCHOOL (Primary) 2019
Tingkat Kefahaman Berkaitan ASEAN

Program ASEAN@School (Primary) 2019 telah berlangsung pada 8 dan 9 Ogos 2019 bersempena Hari ASEAN 2019 yang disambut pada 8 Ogos setiap tahun sejak ditubuhkan pada 1967. Program ini merupakan salah satu komponen dalam program *ASEAN@YourFingertips* (Kenali ASEAN) yang dilaksanakan oleh JaPen melalui Bahagian Perhubungan Antarabangsa.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang dua hari berlangsungnya program ini. Selain pameran *ASEAN Outreach Programmes,* edaran bahan-bahan penerbitan berkaitan ASEAN dan mengadakan aktiviti chanting batik, turut diadakan pertandingan mewarna sekolah rendah (Tahap 1 dan Tahap 2) serta pertandingan jigsaw puzzle berkumpulan pada hari pertama program di Bangunan WP1, Kementerian Luar Negeri.

Sementara itu, pertandingan mewarna untuk pra-sekolah dan program *English Language Camp* (KIDZ ENGCAMP) diadakan pada hari kedua bertempat di Aras 9 dan Dewan Serbaguna, Aras B1, Kompleks KKMM, Putrajaya. KIDZ ENGCAMP telah disertai oleh 70 orang pelajar sekolah rendah sekitar Putrajaya manakala pertandingan mewarna untuk pra-sekolah pula disertai oleh 50 orang pelajar.

JaPen melalui Bahagian Perhubungan Antarabangsa telah melaksanakan Program Kenali ASEAN sejak tahun 2008 yang mana telah dijenamakan semula dengan nama *ASEAN@YourFingertips* pada tahun 2016. Program ini merupakan acara tahunan yang dilaksanakan dengan tujuan menyebarluaskan maklumat berkaitan ASEAN seperti kebudayaan, sosial, bahasa dan cara hidup masyarakat ASEAN kepada masyarakat Malaysia secara bersasar bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran mereka terhadap hal ehwal berkaitan negara anggota ASEAN.

Pengamal Perhubungan Awam Kerajaan Diiktiraf di Peringkat Antarabangsa

Program Angkasawan Negara pada tahun 2007 merupakan sebuah program berprestij negara dimana Malaysia berjaya menghantar Angkasawan Malaysia. Pada waktu itu, Encik Bala Supramanian Applasamy telah ditugaskan sebagai Pegawai Perhubungan Awam (PRO) di Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) untuk menggalas segala tugasan promosi dan publisiti berkaitan Program Angkasawan Negara. ANGKASA merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang dahulunya dikenali sebagai MOSTI. Mari kita ikuti temubual bersama Encik Bala Supramanian A/L Applasamy yang kini bertugas sebagai Ketua Penolong Setiausaha (KPSU) 1 di Unit Komunikasi Korporat (UKK), KKMM.

Boleh Encik Bala ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang dan tugas Encik Bala sebagai seorang Pegawai Perhubungan Awam di KKMM?

Saya memulakan kerjaya saya di ANGKASA sebagai Pegawai Perhubungan Awam (PRO) bermula pada tahun 2006 hingga 2013. Sebelum itu, saya telah bertugas sebagai Pegawai Penerangan di Jabatan Penerangan Malaysia Sarawak dari tahun 2000 hingga Jun 2006.

Unit Komunikasi Korporat (UKK) merupakan salah satu unit yang ditempatkan di bawah pentadbiran Ketua Setiausaha Kementerian. Saya telah dipanggil semula ke UKK untuk kali kedua pada tahun 2018 sebagai Ketua Penolong Setiausaha I (KPSU I). Dari tahun 2015 hingga 2017, saya telah memegang jawatan KPSU II. Sebagai seorang penjawat awam, kita perlu menurut arahan untuk menjalankan tugas seperti yang diarahkan. Meskipun berpindah ke merata tempat di Malaysia, semangat dan minat sebagai jentera penyebar maklumat kerajaan tetap menjadi pilihan utama.

UKK KKMM terbahagi kepada dua unit iaitu Unit Hal Ehwal Korporat dan Unit dan Pengurusan Media. Fungsi dan peranan PRO di mana-mana kementerian adalah untuk memasarkan maklumat dan dasar kementerian kepada rakyat. UKK bertindak sebagai jurucakap kepada segala program-program yang dilaksanakan oleh KKMM melalui pelbagai kaedah. Kalau dahulunya kita mensasarkan medium tradisional seperti akhbar, radio dan televisyen sebagai medium penyebaran maklumat namun kini media sosial merupakan medium terpenting dalam pemasaran maklumat. Saluran media sosial seperti Facebook, twitter, Instagram dan youtube merupakan pilihan rakyat untuk mendapatkan maklumat. Namun begitu, UKK KKMM tetap menerbitkan bahan penerbitan seperti Majalah Spektrum dan Laporan Tahunan KKMM untuk bacaan dan rujukan pihak-pihak tertentu di samping menerbitkan *e-book* yang boleh dilayari melalui laman web rasmi KKMM.

UKK KKMM juga terlibat menyertai pameran dan juga menyertai pameran atas jemputan pihak luar. Sementara itu, UKK KKMM melalui Unit Pengurusan Media akan memastikan pihak media mendapat maklumat yang sewajarnya dan mewujudkan hubungan baik dengan pihak media selain menguruskan liputan media dan sidang media. UKK KKMM juga bertanggungjawab dalam aduan awam dan analisis media. Secara ringkasnya, UKK akan membantu memasarkan enam teras strategik KKMM untuk disampaikan kepada rakyat.




Berpeluang menghadiri persidangan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di Vienna, Austria

Encik Bala pernah bertugas di Agensi Angkasa Malaysia sebelum ini dan telah berpeluang terlibat secara langsung dengan Program Angkasawan Negara, boleh Encik Bala terangkan berkenaan program tersebut?

Saya sangat berbangga apabila menjadi salah seorang yang terlibat secara langsung dalam program ini. Program Angkasawan Negara ini merupakan program pertama Malaysia yang diumumkan oleh Perdana Menteri ketika itu, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 7 Ogos 2003. Program ini merupakan sebahagian daripada program timbal balik Malaysia dengan Rusia. Malaysia telah membeli 18 jet pejuang Sukhoi SU-30 MKM dan pesawat udara pelbagai guna bernilai RM3.4 bilion dari Rusia. Sebagai balasan, Rusia telah bersetuju melatih seorang rakyat Malaysia menjadi angkawasan pertama negara.

Pada Jun 2006, saya mula bertugas di ANGKASA dan pada waktu itu, program ini telahpun memasuki Fasa kedua.

Fasa 1 bermula pada tahun 2003 yang melibatkan perancangan manakala Fasa 2 pula merupakan pendaftaran calon-calon angkasawan. Seramai 11,000 rakyat Malaysia telah berdaftar secara dalam talian untuk menjadi angkasawan pertama Malaysia. Terdapat lapan ujian saringan yang perlu dilalui oleh calon angkasawan dan akhirnya Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaleed telah terpilih sebagai calon angkasawan negara untuk mengikuti latihan di Pusat Latihan Angkasawan Yuri Gagarin, Star City, Rusia selama 12 bulan. Akhirnya pada tanggal 9 Oktober 2007, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor telah dipilih sebagai angkasawan pertama negara. Angkasawan pertama negara berlepas ke ISS menggunakan roket Soyuz TMA-10 buatan Russia dari tapak pelancaran Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan tepat pukul 9.21 malam waktu Malaysia pada 10 Oktober 2007. Beliau turut menjalankan beberapa penyelidikan di angkasa lepas.



Bersama angkasawan negara Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha

Apakah bentuk tugasan yang dilakukan oleh Encik Bala untuk melaksanakan misi ini sebelum, semasa dan selepas selesai misi?

Jika disingkap kembali sejarah pengamal perhubungan awam sekitar tahun 70-an dan awal 80-an, PRO tidak ditempatkan dalam pengurusan tertinggi *(top management)* atau terlibat dalam membuat keputusan *(decision making process).* Ketika itu, mereka hanyalah sebagai pasukan sokongan kepada pentadbiran. Namun begitu, ketika ditugaskan di ANGKASA, persepsi saya telah berubah apabila Prof. Datuk Dr. Mazlan Othman, Ketua Pengarah ANGKASA pada waktu itu telah memasukkan PRO sebagai salah seorang ahli dalam Program Angkasawan *Management Team.* Bagi saya, ia merupakan satu pengiktirafan yang sangat tinggi bagi seorang PRO yang mengetuai dalam bidang perhubungan awam berada dalam pasukan tersebut kerana pengurusan tertinggi ANGKASA terdiri daripada pakar-pakar dari pelbagai bidang sains angkasa.

Saya menguruskan *PR* terutamanya pengurusan media bermula daripada sebelum Angkasawan berlepas sehinggalah beliau pulang ke tanah air dan membawa Angkasawan ini menjelajah ke seluruh negara untuk berkongsi pengalaman selain menyebarkan ilmu sains angkasa khususnya kepada generasi muda. Saya telah membawa seramai 100 orang pengamal media ke Rusia untuk membuat liputan di sana.

Apakah cabaran paling besar atau kesukaran yang dihadapi semasa menjalankan tugas ini?

Cabaran terbesar semasa melaksanakan misi ini adalah untuk mengubah persepsi rakyat. Bukan mudah untuk mengubah persepsi rakyat kerana ramai yang beranggapan Malaysia masih belum layak untuk melahirkan angkasawan dan menganggap program ini membazir. Sebab itu kita perlu membekalkan maklumat yang secukupnya kepada rakyat melalui media dan membuat promosi yang mantap dan berterusan. Pelbagai pendekatan telah dilakukan untuk meyakinkan bahawa Malaysia sudahpun bersedia untuk menghantar angkasawan Malaysia yang pertama.

Selain itu, pihak media dijemput untuk membuat liputan semasa ujian saringan yang dijalankan kepada calon-calon angkasawan. Antara tugas lain yang perlu dilakukan adalah perlu mengemaskini perkembangan terkini program ini kepada rakyat supaya dapat meyakinkan mereka bahawa ini merupakan satu misi yang memberi kebaikan terutamanya dalam bidang sains negara. ANGKASA juga pernah dijemput untuk mengadakan pameran dan memberikan taklimat kepada semua Ahli Parimen di Parlimen.

Bagaimanakah penerimaan dan hubungan dengan pihak media dan masyarakat luar negara sepanjang menjalankan tugas ini?

Pihak media Malaysia menyokong serta komited dalam membawa kejayaan Program Angkasawan Negara ini kepada rakyat. Mereka juga telah melaporkan yang terbaik berkaitan program ini. Satu lagi pengalaman berharga ketika menjadi PRO di ANGKASA adalah saya sentiasa berhubung dengan pencinta bidang sains angkasa di luar negara. Mereka sentiasa menghubungi kita melalui panggilan telefeon, emel dan juga surat dan memohon autograf gambar yang ditandatangani oleh Angkasawan Negara. Di samping itu, saya juga perlu membalas surat ucapan tahniah, sokongan dan pujian terhadap kejayaan Malaysia. Bagi mereka, ini merupakan pencapaian Malaysia yang sangat besar kerana telah berjaya menghantar seorang angkasawan ke angkasa. Malah, ada yang sanggup menghantar duit, baucer dan sebagainya hanya semata-mata mahu mendapatkan poskad yang disertakan dengan autograf angkasawan.

Apakah pengalaman paling berharga yang tidak boleh dilupakan oleh Encik Bala sepanjang program ini?

Pada bulan Jun 2007, saya telah menyertai pameran berkaitan Program Angkasawan Negara di *Outer Space Office,* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di Vienna, Austri. Memegang portfolio sebagai seorang pengamal perhubungan awam kerajaan, ini merupakan pengiktirafan yang tinggi kerana terlibat dalam pameran antarabangsa dan bertindak secara solo dalam pameran berkenaan selama 10 hari. Masyarakat luar telah menunjukkan minat dan kagum tentang kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara membangun (ketika itu) dalam program pendidikan sains angkasa di Malaysia.

Pada tahun 2011 pula, saya diberikan peluang sekali lagi untuk menyertai pameran *Food in Space* di Vienna, Austria. Semua negara yang memiliki angkasawan telah dijemput untuk mempamerkan pelbagai makanan negara mereka semasa di *ISS* kepada pihak Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Selain itu, pengalaman paling berharga yang sentiasa tersemat di hati sehingga ke hari ini adalah pengalaman berada bersama angkasawan di Rusia dan kembali mendarat di bumi. Walaupun tidak berada di tempat pelancaran, namun saya berada bersama pasukan Malaysia yang terlibat dalam misi tersebut.

Menjadi seorang Pegawai Perhubungan Awam sememangnya tugas yang amat mencabar lebih-lebih lagi bagi mereka yang bertugas *one man show* di sesebuah organisasi seperti di agensi kerajaan dan Kolej Komuniti, apakah kualiti diri yang perlu ada untuk menjadi seorang PRO yang hebat dan berkualiti?

Untuk menjadi seorang PRO yang hebat dan berkualiti, seseorang PRO itu perlu mengamalkan *continuos learning* dan menerima adaptasi kepada perubahan-perubahan yang berlaku di sekitar mereka. Walaupun latar belakang saya dalam bidang sains angkasa pada waktu itu sangat terhad, namun sebagai PRO, kita harus cepat belajar memahami *terminology* yang digunakan di organisasi tersebut.

Sebagai seorang Pegawai Perhubungan Awam yang lebih *senior* dan berpengalaman, apakah nasihat dan harapan Encik Bala terutamanya kepada Pegawai Perhubungan Awam yang baru untuk menjadi *multitasking person* dan bersedia menerima tugasan *adhoc* di saat akhir?

Nasihat saya terutamanya kepada PRO baharu perlulah *hands on, equip yourself with knowledge.* Bertugas di agensi mana sekalipun, tugas PRO adalah memahami keperluan organisasi berkenaan dan adaptasi kepada suasana di tempat bekerja dengan cepat dan pantas.....baca....baca.....dan baca.....tiada jalan pintas *(short cut)* untuk berjaya dalam kerjaya. Sebagai PRO kita perlu *adapt to the situation,* sentiasa bersedia menghadapi pelbagai cabaran dan yang paling penting sekali tidak berputus asa....*don't quit....*

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi JaPen atas kepercayaan mereka terhadap saya untuk menjalankan tugas tersebut. Jadi kita perlu buktikan dan sentiasa meletakkan nama jabatan di tempat yang paling tinggi. Memang diakui kekangan-kekangan itu sentiasa ada di mana-mana tetapi kita perlu kuat menempuh cabaran tersebut. Sekiranya ada masalah di tempat bertugas, jangan malu untuk bertanya dan belajar dari kesilapan.



Bergambar di hadapan bangunan Hofburg Palace Vienna, Austria



Bersama delegasi dari Indonesia yang turut menyertai pameran berkaitan angkasawan di Outer Space Office, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) Vienna, Austria



Pameran Food In Space di Outer Space Office

Program Pertukaran Pegawai Penerangan Malaysia ke Indonesia Bawa Impak Positif

Program Pertukaran Pegawai Penerangan Malaysia ke Indonesia merupakan salah satu program tahunan yang dilaksanakan oleh JaPen di bawah Perjanjian Persefahaman (MoU) dalam bidang penerangan dan komunikasi antara Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dengan Kementerian Komunikasi dan Informatika Indonesia (KOMINFO).

Pada tahun ini, seramai 5 orang Pegawai Penerangan diketuai oleh Encik Salmun Mustafa, Pengarah Penerangan Pahang telah dipilih mewakili Malaysia ke program yang berlangsung di Jakarta dan Aceh bermula pada 17 hingga 21 September 2019.

Program dimulakan dengan sesi pertemuan antara Delegasi Malaysia bersama Prof. Widodo Muktiyo, Direktor Jeneral (Ditjen) Informasi dan Komunikasi Publik, KOMINFO di Jakarta. Semasa di Jakarta, delegasi Malaysia telah dibawa melawat ke Pusat Pemerintahan Kota Tangerang yang menempatkan Pusat Kendali Tengerang Smart City *(Tengerang Smart City Command Centre).* Taklimat mengenai kecanggihan operasi serta fungsi Pusat Kendali kota pintar ini telah disampaikan oleh Walikota Tangerang iaitu Bapak Arief Wismansyah. Delegasi Malaysia kemudiannya dibawa ke Acheh pada 18 September 2019 dengan diiringi sekretariat KOMINFO yang diketuai oleh Bapak Selamatta Sembiring, Direktur Tata Kelola dan Kemitraan Komunikasi Publik KOMINFO.

Sepanjang 3 hari berada di Aceh, delegasi Malaysia berpeluang meninjau aktiviti dan juga bertukar-tukar pandangan dengan wakil-wakil Kelompok Informasi Gampong (KIG) melalui sesi lawatan serta dialog di 4 KIG cawangan Sabang, Aceh iaitu KIG Kuta Ateuh, KIG Batee Shok, KIG Jaboi dan KIG Iboih. Selain memperolehi maklumat menarik berkaitan aktiviti dan pengendalian KIG, delegasi juga dapat mempelajari serba sedikit tentang adat, budaya serta makanan ikonik tempatan di Aceh khususnya di KIG-KIG yang dilawati. Pada hari terakhir program, Delegasi Malaysia juga berpeluang menelusuri sejarah peristiwa tsunami di Aceh apabila dibawa melawat ke Muzium Tsunami dan juga Monumen Kapal PLTD Apung di Banda Aceh.









Dari Emcee Biasa ke Juruacara Diraja!

Sepanjang 17 tahun bergelar juruacara, beliau telah menjadi juruacara lebih 1,600 majlis rasmi dan tidak rasmi negeri Selangor dengan jayanya bermula dari tahun 2002 hingga kini. Dengan berbekalkan pengalaman yang luas, beliau disegani dan menjadi rujukan kepada mereka yang baru berjinak-jinak dalam bidang ini. Encik Roslan Yahya yang kini bertugas sebagai Pembantu Penerangan di Jabatan Penerangan Malaysia Selangor bukanlah nama asing dalam bidang pengacaraan majlis terutamanya di negeri Selangor. Semoga kisah beliau memberi inspirasi kepada kita semua!

Anak jati Selangor ini memulakan tugas dalam perkhidmatan awam pada tahun 2000 sebagai Pembantu Penerangan di Pejabat Penerangan Daerah Klang dan seterusnya bertukar ke Pejabat Penerangan Daerah Petaling pada tahun 2003. Pada tahun 2004, beliau kemudiannya berkhidmat di Jabatan Penerangan Malaysia Selangor yang terletak di Shah Alam sehingga kini. Beliau ditempatkan di Cawangan PKPM sebagai Penyelaras Media Negeri Selangor dan Pusat Media Bencana. Selain itu, Encik Roslan juga terlibat secara langsung dalam program-program yang melibatkan media *(media engangement)* dan juga pengamal media.



Bertugas untuk Istiadat Pembukaan Sidang DUN Selangor 2018

> **“Semuanya hanyalah inisiatif dan usaha sendiri dan sentiasa belajar dari kesilapan lalu.”**

Seorang yang tenang dan lembut apabila berbicara, beliau menceritakan sebenarnya beliau tidak meminati bidang pengacaraan majlis ini. Semuanya berlaku secara kebetulan sahaja. Beliau hanya akur menerima arahan tugas sebagai juruacara daripada pegawai atasan dan cuba melaksanakan tugas dengan sehabis baik. Menurut beliau, tiada mentor khusus yang melatih beliau menjadi seperti sekarang. Beliau hanya mengikuti pengacara-pengacara terdahulu mengendalikan majlis-majlis rasmi kerajaan. Semuanya hanyalah inisiatif dan usaha sendiri dan sentiasa belajar dari kesilapan lalu.



Bertugas untuk Istiadat Hari Pahlawan Negeri Selangor



Bertugas untuk Istiadat Kawalan Kehormat Diraja sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor 2018



Bertugas untuk Majlis Makan Malam Sempena Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Ke - 14

Kebolehan beliau mengendalikan majlis rasmi kerajaan sebenarnya telah di 'intai' oleh beberapa pihak termasuklah pihak istana. Beliau akhirnya telah diberi perkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagai juruacara diraja istiadat dan majlis rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Menurutnya, juruacara mestilah mempunyai persediaan dari segi mental, fizikal serta skrip yang lengkap. Antara persediaan yang perlu dilakukan sebelum mengendalikan sesuatu majlis, hendaklah memastikan skrip disediakan mengikut acara yang diberikan serta perlulah mendapatkan pengesahan daripada penganjur atur cara yang terkini. Selain itu, sebagai juruacara yang mengemudi sesuatu majlis, kita perlu bersedia untuk menghadapi apa saja kemungkinan yang berlaku dengan penuh yakin dan tidak panik. Seseorang juruacara juga perlulah berpengetahuan dan bijak dalam mengenali sesuatu majlis samada ianya berbentuk formal, tidak formal ataupun mengikut adat istiadat.

Beliau turut berkongsi pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan sehingga kini semasa mengendalikan Majlis Jamuan Teh Diraja sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di mana beberapa atur cara telah berubah secara spontan semasa majlis sedang berlangsung. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong turut mencemar duli hadir ke majlis tersebut. Walau bagaimanapun, perkara tersebut dapat dihadapi dengan tenang.

Sebagai seorang yang berpengalaman luas dalam bidang pengacaraan majlis, beliau berpesan kepada mereka yang terlibat dalam bidang ini agar sentiasa menjaga disiplin untuk menjadi juruacara yang terbaik. Tugas juruacara bukannya mudah sebaliknya ia memerlukan seorang yang komited dan berpengetahuan serta peka dengan keadaan sekeliling semasa majlis berlangsung.



Bertugas untuk majlis perasmian Trek Basikal Shah Alam





Selamat Datang KSU KKMM Baharu..... YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad Ketua Setiausaha KKMM melaporkan diri di Kompleks KKMM pada 1 Julai 2019





YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, KSU KKMM telah menghadiri sesi taklimat khas dan lawatan ke JaPen pada 9 Julai 2019



YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, KSU KKMM mengunjungi reruai JaPen sempena *Putrajaya Open Day* yang diadakan pada 5 Oktober 2019 bertempat di Lobi dan Dewan B1, Kompleks KKMM







Seramai 255 pesara dan bakal pesara terdiri daripada warga KKMM, Jabatan dan Agensi diraikan dalam Majlis Jasamu Dikenang 2019 di Dewan Serbaguna Kompleks KKMM pada 23 Julai 2019





Sekitar Program Merdeka@Komuniti Bersama YB Tuan Gobind Singh Deo di Kampung Semeba, Kuching Sarawak pada 15 September 2019. Turut hadir, Ketua Pengarah Penerangan, Puan Roselindawati Abdul Rahman.





Sekitar Kursus *Super Recharge Team Building* 2019 yang telah diadakan pada 9 hingga 11 Julai 2019 di Gua Tempurung *Outdoor Champ*, Gopeng Perak. Seramai 30 orang peserta telah menyertai kursus ini





Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada gred 19 hingga 41 telah menghadiri Kursus Juruacara Majlis yang diadakan pada 8-10 Oktober 2019 di Pusat Latihan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Camar Laut, Bagan Lalang Sepang





Sekitar Kursus Asas Juruaudio Visual Gred N19 yang telah diadakan pada 19 hingga 26 Ogos 2019 di Institut Semarak FELDA, Bangi Selangor. Seramai 33 orang (lantikan baharu) telah mengikuti kursusi ni.





Seramai 40 orang peserta telah menghadiri Bengkel Kandungan Kreatif Pemasaran Maklumat Siri 1/2019 pada 14 hingga 17 Julai 2019 di Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM), Pulau Pinang



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Diterbitkan Oleh :

Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia

Laman Web : www.penerangan.gov.my
Emel : webmaster@inform.gov.my

B.030(B.M) NOVEMBER 2019(004.)

Sila imbas Kod QR untuk mendapatkan Buletin Citra versi digital